



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

2021 -2025



Pelan Anti Rasuah Organisasi

*Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak*

2021 – 2025

Hak Cipta Terpelihara
@ Jabatan Tenaga Kerja Sarawak 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tiada orang dibenarkan untuk mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa juga bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Diterbitkan Oleh:

Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93532 Kuching, Sarawak.

Tel: 082-242261 Fax: 082-244909/ 082-237051
Emel: jtknsarawak@mohr.gov.my
Laman Web: www.jtkswk.gov.my

Dicetak Oleh:

Lee Ming Press Sdn. Bhd.
Lot 2050, Section 66 KTLD,
Jalan Swasta, Pending Industrial Estate,
93450 Kuching, Sarawak



“Saya juga sedar bahawa apa yang rakyat mahu ialah sebuah kerajaan yang bersih, berintegriti dan bebas rasuah”

**YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Perdana Menteri Malaysia**

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN

- PERUTUSAN PENGARAH
- KENYATAAN KOMITMEN
- RINGKASAN EKSEKUTIF

BAB 1

PENGENALAN

- LATAR BELAKANG
- FUNGSI JABATAN
- NILAI BERSAMA
- VISI, MISI DAN MATLAMAT
- DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

BAB 2

ISU DAN CABARAN

- ISU SEMASA DAN CABARAN
- PENILAIAN RISIKO DAN ANALISA PERSEKITARAN
- BIDANG-BIDANG BERISIKO

BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH
- KERANGKA OACP
- ANALISIS BIDANG BERISIKO
- BIDANG KEUTAMAAN
- STRATEGI DAN INISIATIF JABATAN

BAB 4

TADBIR URUS

- PRINSIP PENGURUSAN ANTI-RASUAH
- MEKANISMA PENILAIAN

BAB 5

KESIMPULAN

- KESIMPULAN
- GALERI KENANGAN
- PENGHARGAAN

“ THE WORST DISEASE IN THE WORLD TODAY IS CORRUPTION. AND THERE IS A CURE: **TRANSPARENCY.** ”

Bono



BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BSP	Bahagian Standard Perburuhan
BPM	Bahagian Penyelidikan dan Maklumat
BPPBP	Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin
BPU	Bahagian Penguatkuasaan dan Undang-undang
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional
CRM	Corruption Risk Management
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional
GTP	Government Transformation Programme
ILO	Internation Labour Organization
IIM	Institut Integriti Malaysia Internation Labour Organization
ICT	Information and Communication Technology
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
NACP	National Anti Corruption Plan
OACP	Organization Anti Corruption Plan
PIN	Pelan Integriti Nasional
PTK	Pejabat Tenaga Kerja
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
ICT	
NACP	National Anti Corruption Plan
ILO	Internation Labour Organization

PERUTUSAN PENGARAH



Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Illahi atas limpah kurnia dan izinNya, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021 – 2025. Pelan ini telah dibangunkan mengikut asas panduan yang telah ditetapkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Usaha ini membuktikan komitmen dan kesungguhan Jabatan untuk sentiasa bersih dan bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Sebagai sebuah Jabatan yang menjalankan fungsi penguatkuasaan undang-undang perburuhan khususnya di Negeri Sarawak, sudah sampai masanya satu pelan yang menyeluruh dijadikan rujukan utama dan panduan untuk semua warga Jabatan agar segala bentuk gejala rasuah dapat dihindari.

Pihak pengurusan melihat gejala rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan atau lain-lain perbuatan yang seumpama dengannya sebagai parasit perosak. Sekiranya parasit ini dibiarkan berkembang dalam sesebuah organisasi, maka ia akan merencatkan pertumbuhan sesebuah organisasi.

Sehubungan itu, JTK Sarawak menyahut seruan dan hasrat kerajaan dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021 – 2025. Pelan ini merupakan pelan strategik dan komprehensif yang akan dijadikan sebagai rujukan kepada semua warga Jabatan dalam usaha untuk mengukuhkan integriti, urus tadbir dan pencegahan antirasuah dalam organisasi.

Pelan ini adalah satu pelan tindakan yang menyeluruh dan strategik dengan mengambil kira semua kelemahan dalam aspek pentadbiran, rasuah dan integriti dalam Jabatan. Selain itu, Jabatan ini juga komited untuk melaksanakan semua inisiatif yang dirancang. Pelan ini turut mengenal pasti aspek penambahbaikan yang akan dilaksanakan agar sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam National Anti Corruption Plan (NACP).

Jika gejala rasuah tidak dibendung di peringkat awal, ia akan membentuk persepsi negatif orang awam terhadap Jabatan. Ini secara langsung akan menjejaskan imej Jabatan sebagai sebuah organisasi yang menguatkuasakan undang-undang perburuhan. Organization Anti Corruption Plan (OACP) ini akan meningkatkan reputasi Jabatan di mata masyarakat, pemegang taruh dan mematuhi standard yang ditetapkan oleh International Labour Organisation (ILO).

Saya yakin dan percaya, semua inisiatif yang dibangunkan di bawah OACP ini dapat direalisasikan supaya keyakinan terhadap fungsi dan peranan jabatan akan tetap terpelihara. Semua warga JTK Sarawak hendaklah mendokong cita-cita dan aspirasi yang mulia ini demi kesejahteraan bersama.

AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR
PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK



KENYATAAN KOMITMEN

“Warga JTK Sarawak beriltizam serta komited bagi memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan dalam OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti”

Pelan AntiRasuah Organisasi JTK Sarawak 2021 – 2025 adalah komitmen dan iltizam JTK Sarawak memerangi rasuah dan salah laku integriti demi kesejahteraan organisasi.

Selaras dengan kehendak Kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023, JTK Sarawak telah membangunkan OACP mereka sendiri berdasarkan inisiatif di bawah Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dalam sektor awam.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Setiap pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan dalam Pelan OACP JTK Sarawak ini terhasil daripada perbincangan dan sesi percambahan fikiran (brainstorming) semasa Bengkel Pembangunan dan Pemurnian Kerangka OACP.

Pengurusan tertinggi JTK Sarawak amat peka dan konsisten dalam mendukung aspirasi negara agar Malaysia dikenali sebagai kerajaan yang berintegriti. Pelan ini diyakini dapat menangani permasalahan dan kelemahan urus tadbir, integriti dan gejala rasuah dalam kalangan warga JTK Sarawak.

Warga JTK Sarawak beriltizam serta komited untuk memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi JTK Sarawak atau ringkasnya OACP JTK Sarawak ini dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023. Ia merupakan dokumen penting yang menjadi panduan untuk menangani masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku dalam Jabatan.

NACP merupakan sebuah dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah. Pelan ini yang dirangka secara menyeluruh telah merangkumkan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah

Sehubungan itu, Jabatan telah membangunkan OACP JTK Sarawak 2021-2025 yang akan menjadi dokumen utama dan panduan kepada Jabatan mengenai tindakan dan langkah yang menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam organisasi

AMALAN DAN BUDAYA

Komitmen yang jitu daripada seluruh warga Jabatan akan menunjukkan keberkesanan OACP. Pengamalan nilai yang tinggi oleh warga Jabatan terutamanya nilai integriti, cekap, profesional dan dinamik akan mendukung kepada kejayaan pelaksanaan dalam usaha untuk mengekang masalah rasuah di JTK Sarawak pada masa hadapan.

HALATUJU

Visi adalah untuk menjadikan JTK Sarawak bebas rasuah melalui penetapan empat matlamat khusus iaitu memperkasakan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, dan memupuk tadbir urus baik dalam JTK Sarawak.

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

Terdapat empat bidang utama berisiko rasuah yang perlu diberi penekanan iaitu pengendalian aduan, pemeriksaan tempat pekerjaan, pengendalian kes tuntutan buruh dan permohonan penggajian pekerja bukan pemastautin. Setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan urus tadbir dan pemerksaan pencegahan rasuah sama ada melalui perubahan dasar, penambahbaikan sistem dan teknologi, pengukuhan struktur dan pemantauan mahu pun pemantapan modal insan.

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN BERJADUAL

Pemantauan dan Penilaian / *Monitoring and Evaluation* (M & E) berjadual penting untuk memantau prestasi pelaksanaan OACP. Ini bertujuan untuk menilai keberkesanannya dari semasa ke semasa agar selari dengan matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JTK Sarawak ditubuhkan bagi memantau prestasinya sehingga tahun 2025. Dengan adanya OACP, JTK Sarawak akan memantapkan usaha pencegahan rasuah dengan lebih komited dan tegas dalam menangani masalah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dalam Jabatan. Nescaya, OACP akan menjadi satu garis panduan membantu melonjakkan imej Jabatan sebagai sebuah Jabatan yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

Bab 1 Pengenalan





LATAR BELAKANG

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak merupakan satu salah badan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang perburuhan di Sarawak.

Jabatan ini telah mula beroperasi sejak awal tahun 1960an dengan kekuatan anggota hanya seramai enam (6) orang. Bagaimanapun, kekuatan anggota Jabatan telah bertambah dengan penubuhan pejabat cawangan baru di peringkat daerah dan bahagian. Setakat ini, JTK Sarawak mempunyai 16 pejabat cawangan di seluruh negeri. Pertambahan anggota ini selaras dengan hasrat dan misi Jabatan untuk memperkasakan pentadbiran perburuhan bagi meningkatkan tahap kebajikan golongan pekerja di semua sektor ekonomi.

FUNGSI JABATAN

01

Memelihara kepentingan ekonomi dan sosial warga pekerja melalui pelaksanaan standard-standard perburuhan (labour standards) dan langkah-langkah perlindungan yang ditetapkan di bawah dasar dan undang-undang perburuhan Negara.

02

Meningkatkan produktiviti negara melalui:

- Melaksanakan sistem pentadbiran perburuhan negara yang berkesan untuk mewujudkan sumber tenaga kerja yang cekap, berdisiplin dan produktif; dan
- Memberi khidmat nasihat perburuhan bagi membantu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

03

Menggalakkan keseimbangan guna tenaga di sektor swasta.

04

Melaksanakan Dasar Buruh Negara dengan memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada pemastautin di Sarawak melalui pencegahan dan pengawalan pekerja bukan pemastautin.

05

Meningkatkan kualiti kehidupan komuniti.

06

Mengesan dan menganalisis data perburuhan dan penggajian sebagai sumber pengubalan dasar dan undang-undang baru berkaitan perburuhan dan sosial oleh Kerajaan.

07

Membantu majikan mendapatkan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan mereka; dan.

08

Memproses dan mengeluarkan lesen Agensi Pekerjaan Swasta serta mengawasi aktiviti mereka.



NILAI BERSAMA

INTEGRITI

Integriti ditakrifkan sebagai tahap konsistensi antara nilai moral yang dipegang seseorang individu dengan tingkah laku (perkataan atau perbuatan) yang ditunjukkannya. Integriti adalah elemen yang menjadi asas pembentukan Kod Etika dan Kod Tatakelakuan JTK Sarawak. Nilai-nilai teras integriti yang menjadi pegangan JTK Sarawak adalah Amanah, Tegas, Adil, Telus dan Profesional. Selain itu, nilai positif lain seperti Tegas, Disiplin, Kerjasama, Taat Setia, Dedikasi dan Profesionalisme juga ditetapkan sebagai “Nilai JTK Sarawak” yang perlu dipegang secara konsisten oleh semua warga dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

PROFESIONAL

Profesional membawa maksud kemampuan atau kemahiran khusus untuk melaksanakan tugas tertentu. Pengurusan JTK Sarawak mementingkan hasil (output) perkhidmatan oleh warga Jabatan yang berkemahiran, berpengetahuan dan berkeupayaan dalam melaksanakan tugas-tugas harian melalui pematuhan undang-undang, peraturan dan pekeliling yang berkaitan. Sikap professional akan memberikan kepuasan kepada pelanggan, rakyat dan komuniti setempat.

CEKAP

Berwibawa, mahir dan bijak dalam melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pengurusan JTK Sarawak mengutamakan output perkhidmatan Jabatan Tenaga Kerja melalui pengendalian fungsi-fungsi Jabatan secara bijaksana serta dapat memberi manfaat kepada pelanggan.

DINAMIK

Bersifat cergas, bertenaga dan mampu membuat penyesuaian bagi sebarang pembaharuan suasana kerja. Warga JTK Sarawak bersifat dinamik bagi membolehkan mereka mampu bersaing di peringkat global. Output perkhidmatan JTK Sarawak dihasilkan melalui proses kerja yang ditambah baik secara berterusan selaras dengan keperluan semasa semua pihak.



VISI, MISI DAN MATLAMAT

VISI

- JTK Sarawak Kekal Bebas Rasuah

MISI

- Penguatkuasaan undang-undang perburuhan dengan memantapkan kecekapan, integriti dan akauntabiliti Jabatan.
- Memartabatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus Jabatan.

MATLAMAT

Jabatan telah mengenal pasti tiga matlamat untuk mencapai visi dan misi OACP seperti berikut:

- Bersikap telus dan berintegriti dalam menguatkuasakan undang-undang perburuhan di Sarawak.
- Meningkatkan kesedaran pegawai untuk menghindari dan melaporkan semua bentuk gejala rasuah; dan
- Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam penyampaian perkhidmatan Jabatan.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasannya rasuah telah menjadi keutamaan negara. Justeru itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023




PELAN INTEGRITI NASIONAL 2004 (PIN)

Pelan Integriti Nasional ini telah dilancarkan pada 23 April 2004, oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selaras dengan cabaran Wawasan 2020 untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Pelan ini membolehkan Kerajaan merancang pelbagai program secara teratur dalam usaha membudayakan etika dan integriti masyarakat. Sebelum ini telah terdapat pelbagai usaha yang dilakukan, tetapi didapati usaha-usaha ini tidak menyeluruh.

CORRUPTION



PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)

Program Transformasi Kerajaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam bulan April 2009. Ia bertujuan mentransformasi kerajaan serta meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia. Inisiatif ini mempunyai dua objektif utama bagi merealisasikan wawasan Perdana Menteri selaras dengan konsep "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Program yang dijalankan adalah bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, bersatu-padu, selamat dan adil dengan kualiti yang tinggi untuk semua.

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) ini dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC) di Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain. Pelan ini dibuat berdasarkan 22 strategi yang akan diberi keutamaan bagi enam sektor utama di mana ia mengandungi 115 inisiatif antirasuah merangkumi enam sektor iaitu politik, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, pentadbiran sektor awam, perundangan dan kehakiman serta tadbir urus korporat.

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, JTK Sarawak telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti membangunkan Pelan Integriti 2020, melafazkan Ikrar Bebas Rasuah, membangunkan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2019 – 2023 dan yang terkini ialah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025.

01

IKRAR BEBAS RASUAH 2019

02

PENGURUSAN RISIKO RASUAH (2019 -2023)

03

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JTK SARAWAK 2021-2025



Bab 2 ISU DAN CABARAN



ISU DAN CABARAN

SENARIO RASUAH DAN INTEGRITI DI JTKSWK

Walaupun JTK Sarawak jarang menerima aduan awam berkaitan isu rasuah dan integriti pegawai, tetapi ianya tidak bermakna kemungkinan dan risiko rasuah tidak akan berlaku. Pegawai pemeriksa yang bertugas di lapangan semasa membuat tinjauan dan pemeriksaan tempat pekerjaan sentiasa terdedah dengan pengaruh sesetengah pihak berkepentingan. Jabatan ini telah dipertanggungjawabkan untuk **menjamin hak kebajikan pekerja** dipelihara dan memastikan majikan yang menggajikan pekerja tempatan dan juga pekerja asing sentiasa mematuhi standard perburuhan, seperti tempoh masa bekerja yang munasabah, pembayaran upah dan gaji yang adil dan setimpal, pemberian faedah-faedah kebajikan pekerja dan lain-lain insentif berkaitan keperluan pekerjaan yang bersesuaian.

Berdasarkan statistik Jabatan pada tahun 2019 berkaitan pelanggaran standard perburuhan, didapati sebanyak **1,890 notis pelanggaran** telah dikeluarkan daripada sejumlah 6,623 tempat pekerjaan yang diperiksa. Sejumlah **6,997 jenis kesalahan** yang dilakukan majikan telah dikesan. Ini bermakna **secara purata setiap majikan** yang dikeluarkan notis pelanggaran **melakukan 4 kesalahan** di bawah peruntukkan undang-undang perburuhan Sarawak.

Sehubungan itu, kadar pematuhan standard perburuhan di Sarawak adalah 69.9%. Kadar ini dilihat kurang memuaskan kerana masih terdapat **30.1% majikan yang tidak bertanggungjawab** dan enggan mematuhi standard perburuhan yang telah ditetapkan dalam undang-undang perburuhan Sarawak.

Isu ketidakpatuhan sesetengah pihak **majikan** terhadap undang-undang perburuhan di Sarawak akan dilihat oleh orang awam sebagai satu **kelemahan dalam bidang penguatkuasaan** di kalangan pegawai pemeriksa JTK Sarawak. Justeru itu, pihak awam berkemungkinan akan menuduh JTK Sarawak bersikap tidak profesional dan kurang prihatin terhadap nasib malang warga pekerja yang dianiaya oleh majikan mereka.

Merujuk kepada sumber daripada Berita Harian Online, JTK Sarawak telah mengesan 40 kes pelanggaran peraturan buruh selepas memeriksa enam kilang di Estet Perindustrian Pending, menerusi Ops Kilang pada tahun 2019. Antara kes pelanggaran yang dikesan ialah seperti kegagalan majikan memberi cuti tahunan kepada pekerja, kegagalan memberi daftar gaji kepada pekerja, melanggar waktu kerja yang ditetapkan, kegagalan memberikan cuti sakit, membuat potongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan, dan kegagalan membayar gaji minimum.

Dalam keadaan tertentu, pegawai pemeriksa seringkali **sukar membuat pertimbangan yang wajar dan adil**, seperti sama ada untuk memberi peluang kepada majikan untuk memperbaiki kedudukan kewangan syarikat atau menasihati pekerja yang tidak dibayar gaji supaya berbincang dengan majikan tentang tempoh pembayaran gaji. Kadangkala, pertimbangan pegawai untuk menyelesaikan isu pembayaran gaji berkenaan dilihat sebagai **kelemahan integriti pegawai**.

ISU DAN CABARAN

40 kesalahan pelanggaran peraturan buruh dikesan

Doleh Norsyazwani Nasri - Januari 18, 2019 @ 4:55pm
crnews@nstp.com.my



Pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak memeriksa dokumen pekerja di salah sebuah kilang dalam Ops Kilang di Jalan Semangat, Kuching. - Foto Norsyazwani Nasri

Sumber: Berita Harian Online bertarikh 18 Januari 2019.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/01/521449/40-kesalahan-pelanggaran-peraturan-buruh-dikesan>

Berdasarkan peruntukkan Ordinan Buruh Sarawak, dalam Seksyen 8M, disebut bahawa:

“If any person whose financial interests are affected is dissatisfied with the decision or order of the Director under Section 8A, 8C or 8I, such person may appeal to High Court.”

Peruntukkan di atas memberi bayangan bahawa, pegawai pemeriksa boleh **membuat pertimbangan tentang kedudukan kewangan** pihak majikan, apabila timbul isu seperti kelewatan pembayaran gaji pekerja. Hal ini merupakan cabaran besar kepada kewibawaan dan kebijaksanaan pegawai JTKSWK dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan dalam era ledakan teknologi informasi dan sosial media.




PENILAIAN RISIKO


Kaedah Penilaian Risiko Rasuah atau Corruption Risk Analysis (CRA) dan **Indek Persepsi Integriti JTKSWK** digunakan untuk mengenalpasti semua faktor risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan aduan terhadap JTKSWK yang mungkin menjejaskan operasi dan imej Jabatan. Antara mekanisma yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:

- Menganalisis data risiko rasuah semasa Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRA) Kementerian Sumber Manusia telah diadakan pada 14 dan 15 September 2020.
- Mengetahui risiko integriti dan antirasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP 19 – 21 Oktober 2020.
- Data-data dalaman JTKSWK seperti aduan buruh, notis pelanggaran, tuntutan kes buruh, kes tata tertib pegawai, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan dan lain-lain sumber yang berkaitan dengan perkhidmatan Jabatan.

INDEK PERSEPSI INTEGRITI JTKSWK



Jadual 1.0 : Tahap Kecenderungan Gejala Rasuah



Gambarajah 1.0: Indek Persepsi Integriti JTK SARAWAK

BIDANG FUNGSI BERISIKO

Bidang berisiko meliputi aktiviti operasi Jabatan, iaitu empat (4) fungsi utama sepertimana dipaparkan dalam Gambarajah 1.0. Keempat-empat aktiviti utama tersebut telah disusun dan dikenal-pasti tahap risiko rasuah berdasarkan **Indek Persepsi Integriti JTKSWK** yang dibangunkan secara dalaman dengan mengambil kira data statistik data-data dalaman JTKSWK pada tahun 2019.

Aktiviti pemeriksaan tempat pekerjaan merupakan bidang yang paling tinggi tahap kecenderungan dalam skala Indeks Persepsi Integriti. Kemudian, yang keduanya diikuti oleh aktiviti pengendalian tuntutan kes buruh. Manakala, yang ketiganya diikuti oleh aktiviti permohonan kelulusan penggajian pekerja bukan pemastautin. Akhir sekali ialah aktiviti pengendalian aduan buruh.



Bab 2 SENARIO MASA HADAPAN



ANALISA SWOT

JTK Sarawak menjangkakan bahawa senario amalan rasuah mungkin akan berlaku di masa hadapan. Bagi menangani situasi ini, JTK Sarawak telah merangka strategi untuk mengatasinya. Sehubungan dengan ini, empat (4) bidang keutamaan telah dikenalpasti dan dirangka dalam analisis persekitaran melalui Analisa SWOT, iaitu:

- 01 Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam
- 02 Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.
- 03 Memperkasakan kecekapan dan pengamalan dalam penguatkuasaan undang-undang.
- 04 Memupuk tadbir urus baik dalam organisasi.

RINGKASAN ANALISA PERSEKITARAN



RINGKASAN ANALISA PERSEKITARAN

S1 - KEKUATAN	Pentadbiran Sektor Awam	Perolehan Awam	Penguatkuasaan Undang-Undang	Tadbir Urus Jabatan
Kesinambungan era teknologi terkini	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan polisi Kerajaan semasa menyokong sepenuhnya pembangunan sistem ICT dalam semua fungsi Jabatan, supaya sistem penyampaian perkhidmatan lebih telus dan cekap. Dasar dan polisi anti-rasuah Kerajaan di peringkat tertinggi menjamin landasan hala tuju ke arah penyampaian perkhidmatan lebih berintegriti, telus dan cekap. 	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukkan yang secukupnya bagi perolehan aset strategik ICT bagi kegunaan semua warga kerja dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan Jabatan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan sistem pemantauan standard perburuhan dengan penggunaan teknologi ICT terkini dan media sosial supaya lebih telus dan cekap. Pindaan undang-undang perburuhan mengikut perkembangan industri global dan amalan pengurusan sumber manusia di alaf teknologi terkini. 	<ul style="list-style-type: none"> Kesediaan semua warga Jabatan dalam menjalani perubahan budaya kerja dalam alaf medium ICT terkini. Penekanan kepada output dan keberhasilan serta menerapkan nilai integriti dalam pelaksanaan fungsi Jabatan.

RINGKASAN ANALISA PERSEKITARAN

S2 - KELEMAHAN	Pentadbiran Sektor Awam	Perolehan Awam	Penguatkuasaan Undang-Undang	Tadbir Urus Jabatan
Kekangan dalaman dan luaran	<ul style="list-style-type: none"> Sistem perundangan dan undang-undang perburuhan yang dilihat oleh masyarakat industri tidak prihatin kepada pertumbuhan sektor ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukkan terhadap bagi perolehan aset strategik bagi kegunaan pegawai menyebabkan kesukaran pelaksanaan fungsi operasi Jabatan ke kawasan luar bandar. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggaran standard perburuhan masih banyak dilakukan oleh pihak majikan yang kurang prihatin kepada hak-hak pekerja. Sistem pemantauan pematuhan standard perburuhan masih menggunakan kaedah lama (lapauk). 	<ul style="list-style-type: none"> Sikap sesetengah pegawai yang tidak profesional dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah mereka. Penyalahgunaan kuasa oleh sesetengah pegawai yang memberi kepentingan kepada pihak tertentu.

RINGKASAN ANALISA PERSEKITARAN

S3 - PELUANG	Pentadbiran Sektor Awam	Perolehan Awam	Penguatkuasaan Undang-Undang	Tadbir Urus Jabatan
Perkembangan sosio-ekonomi negara	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan polisi kerajaan yang seimbang kepada masyarakat industri dan prihatin kepada keperluan rakyat dan kehidupan masyarakat komuniti setempat. 	<ul style="list-style-type: none"> Kecekapan mengurus perbelanjaan semasa dengan menasarkkan kewangan mengikut keutamaan bidang strategik Jabatan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mempromosikan program kesedaran tentang kepentingan mewujudkan standard perburuhan yang lebih sistematik dalam organisasi syarikat. Pengurusan konflik di peringkat organisasi yang lebih teratur. 	<ul style="list-style-type: none"> Menambahbaik proses pengendalian operasi aktiviti dan program dalam mengadaptasikan kaedah/ sistem terkini dan elemen teknologi terkini yang lebih kos efektif.

RINGKASAN ANALISA PERSEKITARAN



S4 - ANCAMAN	Pentadbiran Sektor Awam	Perolehan Awam	Penguatkuasaan Undang-Undang	Tadbir Urus Jabatan
Sosio-ekonomi Merudum	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar dan polisi kerajaan yang dilihat oleh rakyat tidak prihatin kepada realiti sebenar tahap kehidupan masyarakat komuniti setempat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelemahan dalam sistem perolehan awam menyebabkan ketirisan perbelanjaan Jabatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Proses penyelesaian konflik di antara golongan pekerja dan majikan mereka yang panjang menjejaskan prestasi perniagaan dan industri. • Konflik industri yang berlarutan akan melarat menjadi tindakan perusahaan seperti mogok dan piket. • Insiden emberhentian pekerja yang tidak dikawalselia dan menjejaskan pasaran buruh dan kadar guna tenaga buruh negara. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengendalian operasi aktiviti dan program masih menggunakan kaedah/ sistem lama (lapuk) dan tidak menerapkan elemen teknologi terkini yang lebih kos efektif.

Bab 3 USAHA PENCEGAHAN RASUAH

HENTIKAN
RASUAH!

KERANGKA OACP JTKSWK

Terdapat empat (4) elemen asas dalam keseluruhan kerangka OACP JTK Sarawak, iaitu:

VISI

- JTK Sarawak Kekal Bebas Rasuah

MISI

- Penguatkuasaan undang-undang perburuhan dengan memantapkan kecekapan, integriti dan akauntabiliti Jabatan.
- Memartabatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus Jabatan.

MATLAMAT

- Jabatan telah mengenal pasti tiga matlamat untuk mencapai visi dan misi OACP seperti berikut:
- Bersikap telus dan berintegriti dalam menguatkuasakan undang-undang perburuhan di Sarawak.
 - Meningkatkan kesedaran pegawai untuk menghindari dan melaporkan gejala rasuah; dan
 - Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Selaras dengan matlamat OACP yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan atasan, semua warga kerja JTK Sarawak dikehendaki melaksanakan dengan penuh dedikasi segala rancangan strategi dan inisiatif yang berkait rapat dengan bidang keutamaan dan fungsi aktiviti Jabatan.

KERANGKA OACP JTKSWK

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

» VISI

» MISI

» MATLAMAT



» BIDANG KEUTAMAAN

» STRATEGI & INISIATIF

ANALISIS KUADRAN

Analisa Kuadran berikut menggambarkan keutamaan bagi 44 inisiatif yang telah dikenal-pasti daripada 86 inisiatif berdasarkan kebarangkalian punca berlakunya rasuah. Inisiatif tersebut ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya.

Terdapat 16 inisiatif yang dikenal-pasti berada dalam kelompok Kuadran C (Impak Tinggi, Kompleksiti Rendah) memerlukan usaha dalam pelaksanaannya, sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada penambaan pengoperasian fungsi Jabatan.



KOMPLEKSITI

- merujuk kepada tahap kerumitan dan kesukaran sesuatu inisiatif OACP berkenaan semasa dilaksanakan.
- Inisiatif yang mempunyai kompleksiti yang tinggi adalah perkara yang melibatkan berikut:
 - (i) usaha pembangunan seperti membangunkan sistem/ kaedah baharu,
 - (ii) merangka modul latihan pakar,
 - (iii) membuat kajian tentang sesuatu isu/ dasar kerajaan,
 - (iv) membentuk kerjasama dengan pelbagai agensi/ organisasi,
 - (v) menganjurkan program berskala besar / peringkat antarabangsa, dan
 - (vi) membuat rombakan dalaman organisasi.

KESAN IMPAK

- merujuk kepada keberkesanan atau keberhasilan sesuatu inisiatif OACP berkenaan setelah dilaksanakan.
- Inisiatif yang mempunyai kesan impak yang tinggi adalah yang merangkumi kesan berikut:
 - (i) mengubah budaya sesebuah organisasi,
 - (ii) mengubah pemikiran / persepsi masyarakat,
 - (iii) menghasilkan perkara yang baik dan berfaedah kepada organisasi dan masyarakat,
 - (iv) menghasilkan perubahan/ suasana yang baik kepada organisasi dan masyarakat setempat
 - (v) apa-apa keberhasilan yang positif, yang mana boleh dinilai secara nyata (cth: penurunan drastik kadar penggangguran)

STRATEGI OACP JTKSWK

Bagi menghadapi senario yang dinyatakan, JTK Sarawak telah membentuk empat (4) strategi seperti berikut:

01 Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam

Untuk memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, inisiatif seperti program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan, peningkatan pemantauan penjawat awam, urusan tapisan integriti, pemberian pengiktirafan serta penyediaan latihan merupakan antara pengisian strategi yang dimaksudkan.

02 Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.

Sebagai pengisian kepada strategi ini, inisiatif naziran, pengukuhan saluran aduan serta pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi, di samping program latihan dan pemulihan telah dikenal pasti.

03 Memperkasakan kecekapan dan pengamalan dalam penguatkuasaan undang-undang.

Strategi ini memberi penekanan kepada penyediaan dan pengemaskinian prosedur, peraturan serta perundangan yang sedia ada. Ia turut memberi penekanan kepada program pengukuhan integriti, penggunaan teknologi dan pengurusan keselamatan ICT.

04 Memupuk tadbir urus baik dalam organisasi.

Bagi memupuk tadbir urus baik, pemerkasaan pengurusan yang meliputi pengurusan aduan, pengurusan aset serta pengurusan keselamatan ICT telah dikenalpasti sebagai sebahagian daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan. Aktiviti pemantauan melalui pengauditan dan naziran perlu juga dititik beratkan. Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia, urusan latihan, Pembangunan Kerjaya, aktiviti kaunseling dan proses pusingan kerja juga tidak boleh diabaikan.

JADUAL : ANALISIS KUADRAN

KUADRAN	INISIATIF TINDAKAN	STRATEGI
D	Taklimat khusus berkenaan Perlindungan Pemberi Maklumat/ <i>Whistleblower Policy</i>	S1.1
C	Membangunkan kit pengurusan yang merangkumi aspek peraturan tatatertib, kewangan, sumber manusia dan pengurusan secara am.	S1.1
D	Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus / seminar dalam aspek governans, integrity dan antirasuah	S1.1
B	Melaksanakan pemantauan secara kerap terhadap pegawai yang berisiko	S1.1
C	Melaksanakan Program Pembangunan Kerjaya Berterusan yang melibatkan aspek generik dan fungsional	S1.2
B	Mewujudkan program bimbingan yang tersusun kepada pegawai yang berprestasi rendah	S1.2
B	Mewujudkan pengiktirafan dan pemberian anugerah kepada pegawai yang menunjukkan peningkatan prestasi	S1.2
A	Mengadakan naziran dalaman bagi mengenal pasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara Jabatan/ PTK	S2.1
D	Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai kewangan.	S2.1
B	Memperkuhkan pelaksanaan Integrity Pact berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat rahsia.	S2.1
D	Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai baru	S2.1
B	Mengenalpasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan program pemulihan/ kaunseling/ pengisytiharan harta lebih kerap	S2.1
A	Mengadakan program Pembangunan Kemahiran Pengurusan Perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan dikalangan pegawai	S2.1
A	Memastikan proses perolehan dipatuhi sepenuhnya berpandukan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa	S2.1
A	Melakukan semakan dan kajian semula Prosedur Operasi Standard (SOP) dan panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan	S2.1

KUADRAN	INISIATIF TINDAKAN	STRATEGI
D	Membuat pusingan pegawai yang menggangotai jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/ sebutharga	S2.1
D	Pengauditan dan naziran berkala oleh pihak berkecuali	S2.1
D	Mengadakan program kursus bersiri bagi pegawai yang terlibat dalam penyediaan kertas siasatan bagi membekalkan kemahiran dalam tatacara penyediaan kertas siasatan	S3.1
D	Melaksanakan naziran / pemantauan secara berkala ke atas pengendalian SOP Kertas Siasatan bagi meningkatkan kecekapan dalam pengendalian Kertas Siasatan	S3.1
C	Mewujudkan penyiasatan secara berpasukan bagi meningkatkan kecekapan siasatan	S3.1
C	Mewujudkan penyiasatan secara berpasukan bagi meningkatkan kecekapan siasatan	S3.1
A	Membangunkan pengkalan data berpusat (secara online) untuk maklumat pendaftaran kertas siasatan dan perkembangan siasatan kes (<i>limited access</i>)	S3.1
C	Memperkasakan mekanisme pemantauan dalam pelaksanaan kebertanggungjawaban dalam aspek pengurusan kawal selia oleh penyelia dan Ketua Jabatan	S3.1
C	Mengguna pakai SOP bagi memantapkan profesionalisme dalam pengamalan tugas seharian melalui latihan secara berkala	S3.1
D	Mengadakan Kursus Pengurusan Kesedaran dan Keselamatan (Pengurusan Maklumat) berkaitan Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972	S3.1
B	Melaksanakan penilaian keselamatan Sistem (SPA - Security Posture Assessment) setiap dua (2) tahun sekali	S3.1
B	Mengkaji dan menambahbaik SOP bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah dan salah guna kuasa	S3.1
